

21/08/1997

PM terhutang budi pada Tun Razak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengakui banyak terhutang budi dengan Tun Abdul Razak kerana tanpa Allahyarham, beliau tidak akan berada di tempatnya sekarang.

"Banyak apa yang terjadi pada saya adalah disebabkan Tun (Razak) hingga menyebabkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein memilih saya sebagai timbalannya," kata beliau.

Berucap melancarkan buku Tun Razak-Jejak Bertapak Seorang Patriot di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau sendiri hairan kenapa dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Tun Hussein Onn walaupun ketika itu beliau tidak rapat dengan Perdana Menteri ketika itu.

"Mungkin kerana prestasi saya sebagai menteri pelajaran di bawah pimpinan Tun Abdul Razak begitu baik hingga menyebabkan Allahyarham mencalonkan saya kepada Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Jadi, secara peribadi saya banyak terhutang budi kepada Allahyarham Tun Razak, dan sehubungan itu, negara juga banyak terhutang budi kepada Allahyarham iaitu Bapa Pembangunan," katanya.

Buku setebal 328 halaman berharga RM192 senaskhah tulisan wartawan veteran, Datuk Zainuddin Maidin itu diterbitkan oleh Yayasan Tun Razak dan Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; balu Tun Abdul Razak, Tun Rahah Tan Sri Mohd Noah dan keluarga; beberapa menteri Kabinet dan veteran Umno.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia semestinya berbangga kerana barisan pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn berpandangan jauh, khususnya Tun Razak yang memberikan tumpuan ketika hayatnya kepada tugas mengisi kemerdekaan sejak awal lagi.

"Sikap dan tindakan pemimpin Malaysia memandang jauh ke depan patut dipuji, tidak seperti sesetengah negara yang masih kekosongan selepas mencapai kemerdekaan.

"Tun Razak patut dipuji dan disanjung tinggi kerana peranan Allahyarham mengimbangkan kedudukan ekonomi dan taraf hidup Bumiputera agar setanding dengan kaum lain bagi mengelakkan pergeseran antara kaum seperti berlaku pada 13 Mei 1969.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang Allahyarham pelopori kini menjadi bukti hasil perjuangan beliau mengimbangkan ekonomi antara kaum, di samping dasar pembangunan negara yang beliau ambil berat," katanya sambil menegaskan, rakyat perlu tahu sejarah negara bagi membolehkan mereka lebih menyayangi dan mengenang jasa pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan.

Mengenai Zainuddin yang menghasilkan buku itu, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Zainuddin atau lebih dikenali sebagai Zam adalah kawan saya. Ahli politik sememangnya kena berkawan dengan wartawan, kalau tidak teruk kita dibelasah mereka."

(END)